

ST 23/3/09 PS-T23)

Peruntukan RM40 juta bina kompleks sukan



● Akalili Fakhriah dan Syanurhadi bersama sijil penghargaan serta replika cek masing-masing pada Majlis Anugerah Sukan UMT 2008.

AZIRA MOHD NASIR

KUALA NERUS - Kerajaan Pusat memperuntukkan lebih RM40 juta bagi pembinaan kompleks sukan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang dijangka siap hujung November tahun ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT, Profesor Dr Abdul Majid Mohd Isa berkata, kompleks sukan itu yang didirikan dengan keluasan 12.1 ekar (4.84 hektar) adalah kompleks terbesar belum pernah dibina di mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT).

Menurutnya, pembinaan itu bertujuan menyediakan kemudahan peralatan yang mencukupi kepada atlet supaya mereka dapat menjalani latihan sukan secara intensif.

"Kompleks sukan ini menempatkan sebuah dewan tertutup yang dilengkapi lima gelanggang badminton, dua

gelanggang squasy, satu gimnasium dan kafeteria.

"Sementara, ruang stadiumnya pula merangkumi 400 meter trek sintetik dan balapan termasuk sebuah astaka utama, kolam terjunan serta kolam renang bersaiz olimpik akan turut dibina.

"Saya berharap, setiap kemudahan itu dimanfaatkan sepenuhnya supaya kompleks sukan ini tidak hanya menjadi 'projek gajah putih' sahaja," katanya kepada **Sinar Harian** selepas merasmikan Majlis Anugerah Sukan UMT 2008 kali kedua di Dewan Sultan Mizan, UMT, di sini, semalam.

Mengulas mengenai majlis berkenaan, Abdul Majid berkata, sebanyak lapan anugerah membabitkan 79 penerima diberikan kepada atlet, orang perseorangan, organisasi dalaman dan luar yang banyak membantu UMT mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan.

Sementara itu, dua atlet iaitu Syanurhadi Arsat dan Akalili Fakhriah Ahmad Fudzi masing-masing turut memenangi Anugerah Olahragawan serta Olahragawati UMT 2008 pada majlis yang sama.

Menurut Abdul Majid, anugerah seumpama itu akan dilaksanakan setiap tahun bagi menyemarakkan lagi semangat kesukanan dalam kalangan pelajar dan juga kakitangan UMT pada masa akan datang.

"Sememangnya menjadi harapan kami untuk menepis sebarang dawaan kabur dan keraguan mengenai keupayaan penuntut UMT mengenai kemampuan mereka dalam bidang sukan."

"Semoga pengiktirafan seperti ini akan menjadikan warga UMT terus dihormati dan disanjung tinggi."

"Ia juga sekali gus mengangkat martabat negara di mata dunia," katanya.